BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 02/07/07 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Januari 2007
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Pada 1 Januari – 28 Februari 2007, ringgit menambah nilai dalam julat 0.3% - 0.7% berbanding dengan mata wang utama berikutan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan yang lebih besar. Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau pada tempoh ini. Perkembangan dalam pasaran ekuiti global, serantau dan domestik pada 27 dan 28 Februari tidak memberikan sebarang kesan yang nyata kepada ringgit.

- Meskipun terdapat penurunan sebanyak 6% pada 27 dan 28 Februari 2007, KLCI ditutup pada 1,196.45 mata, atau 9.1% lebih tinggi berbanding dengan akhir tahun 2006.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 02/07/07 **EMBARGO: Untuk Siaran Segera**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JANUARI 2007

Pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sektor perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6.2% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 6.2%). Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 6.4%. Pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan sebanyak 4.4% dan 8.9% (Disember 2006: masing-masing sebanyak 4.2% dan 9.4%).

Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS terus dalam jumlah yang besar sebanyak RM2.2 bilion. Walau bagaimanapun, selepas pelarasan bagi penebusan, terdapat penebusan bersih PDS berjumlah RM873 juta pada bulan Januari. Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran ekuiti adalah lebih tinggi pada RM449 juta. Kebanyakan pembiayaan melalui pasaran ekuiti adalah terutamanya melalui tawaran awam awal, termasuklah terbitan Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trust, REIT) perladangan secara Islam yang pertama dalam pasaran ekuiti Malaysia.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) dan kadar pinjaman bank perdagangan stabil pada bulan Januari dan awal bulan Februari. Begitu juga dengan kadar antara bank bagi semua tempoh matang yang secara relatifnya stabil pada bulan Januari.

Pada 1 Januari – 28 Februari 2007, ringgit menambah nilai dalam julat 0.3% - 0.7% berbanding dengan mata wang utama berikutan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan yang lebih besar. Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau pada tempoh ini. Perkembangan dalam pasaran ekuiti global, serantau dan domestik pada 27 dan 28 Februari tidak memberikan sebarang kesan yang nyata kepada ringgit.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit kepada 3.2% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 3.1%), terutamanya disebabkan kenaikan dalam indeks bagi kategori *pengangkutan*, berikutan kenaikan kadar tol beberapa lebuh raya di Lembah Klang.

Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 9.2% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 13.8%) disebabkan mata wang dalam edaran yang berkurang berikutan berakhirnya musim perayaan pada bulan Disember. Walau bagaimanapun, wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 13.5% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 12.3%). Perkembangan M3 ini mencerminkan peningkatan aset asing bersih Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan, dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Tuntutan terhadap sektor swasta memberikan kesan penguncupan terhadap M3 kerana peningkatan pinjaman terkumpul institusi perbankan diimbangi penurunan dalam pemegangan sekuriti oleh mereka.

Paras permodalan sistem perbankan terus bertambah kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing berada pada 13% dan 10.2% pada akhir bulan Januari 2007. Pinjaman tak berbayar bersih (non-performing loans, NPL) terus menurun kepada RM26.6 bilion atau 4.6% daripada jumlah pinjaman bersih (berdasarkan klasifikasi 3 bulan). Ini terutamanya disebabkan pengelasan semula NPL kepada status berbayar di samping hapus kira pinjaman yang berterusan oleh institusi perbankan.

Kadar faedah terus stabil

Pada 1 Januari – 27 Februari 2007, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga terus stabil.

Kadar FD purata bank perdagangan secara relatif terus tidak berubah pada bulan Januari dan Februari 2007. Pada 15 Februari 2007, kadar disebut purata FD bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah secara relatifnya stabil masing-masing pada 3.11% dan 3.71%. Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rata, BLR) purata dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bank perdagangan tidak berubah, masing-masing pada 6.72% dan 6.57%.



Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil



Kadar antara bank lain terus stabil



Mudah tunai dalam sistem diserap Bank pada bulan Januari



Kadar pinjaman bank perdagangan tidak berubah



Nisbah pembiayaan-deposit terus menurun disebabkan pertumbuhan deposit meningkat

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Dis 06	3.11	3.19	3.34	3.46	3.73
Jan 07	3.11	3.19	3.34	3.45	3.72
15 Feb 07	3.11	3.19	3.34	3.45	3.71

Kadar FD secara relatifnya tidak berubah

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD 3 bulan benar lebih rendah

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau

Pada 1 Januari – 28 Februari 2007, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dalam julat 0.3% – 0.7% berikutan aliran masuk bersih perdagangan dan pelaburan yang lebih besar. Ringgit juga dipengaruhi oleh perkembangan mata wang negara-negara Kumpulan Tiga. Dolar Amerika Syarikat (AS) bertambah kukuh berbanding dengan euro dan yen Jepun pada awal tempoh tersebut, berikutan jangkaan positif terhadap pertumbuhan ekonomi AS. Yen Jepun juga menyusut nilai disebabkan ketidakpastian terhadap kenaikan seterusnya dalam kadar faedah dasar, penyiaran beberapa data ekonomi yang lemah, dan ketidakpastian hasil mesyuarat negara-negara perindustrian Kumpulan Tujuh pada bulan Februari.

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau pada tempoh ini. Perkembangan dalam pasaran ekuiti global, serantau dan domestik pada 27 dan 28 Februari tidak memberikan sebarang kesan yang nyata kepada ringgit.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama



… dan juga berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 06	Dis 06	Jan 07	28 Feb 07	Akhir Dis 06 - 28 Feb 07	Akhir Dis 06 - 28 Feb 07
Dolar AS	3.7800	3.5315	3.5015	3.5060	7.8	0.7
Euro	4.4867	4.6460	4.5388	4.6332	-3.2	0.3
Paun sterling	6.5226	6.9315	6.8755	6.8830	-5.2	0.7
100 yen Jepun	3.2229	2.9675	2.8808	2.9595	8.9	0.3
Dolar Singapura	2.2714	2.3028	2.2784	2.2920	-0.9	0.5
100 baht Thailand	9.2049	9.8111	9.7780	9.9012	-7.0	-0.9
100 peso Filipina	7.1254	7.2027	7.1642	7.2110	-1.2	-0.1
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0393	0.0385	0.0382	0.7	2.8
100 won Korea	0.3739	0.3797	0.3717	0.3728	0.3	1.8
Renminbi China	0.4686	0.4523	0.4504	0.4531	3.4	-0.2

Inflasi 3.2% pada bulan Januari 2007

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit kepada 3.2% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 3.1%), terutama disebabkan kenaikan dalam indeks bagi kategori *pengangkutan*, berikutan kenaikan kadar tol beberapa lebuh raya di Lembah Klang. Inflasi yang lebih tinggi bagi kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* mungkin disebabkan keadaan bekalan makanan yang lebih ketat berikutan banjir teruk di Johor. Sementara itu, harga *pakaian dan kasut*, dan caj *komunikasi* terus menurun berbanding dengan setahun yang lalu.



Inflasi meningkat kepada 3.2% pada bulan Januari 2007

Kadar kenaikan harga pengeluar semakin sederhana pada bulan Disember 2006

Kadar kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menjadi sederhana kepada 5% pada bulan Disember 2006 (November 2006: 6.4%). Kadar kenaikan IHPR yang lebih perlahan disebabkan terutamanya inflasi yang lebih rendah dalam kategori berkaitan komoditi, terutama dalam kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan. Sementara itu, inflasi yang lebih tinggi bagi kategori berkaitan komoditi disebabkan harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Bagi keseluruhan tahun 2006, inflasi harga pengeluar menjadi sederhana sedikit kepada 6.7% (2005: 6.8%).



Kadar kenaikan IHPR menjadi sederhana pada bulan Disember

M3 meningkat lagi

Wang secara kecil atau M1 meningkat 9.2% pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: 13.8%). Deposit permintaan, khususnya daripada perusahaan perniagaan, meningkat, manakala mata wang dalam edaran merosot berikutan berakhirnya musim perayaan pada bulan Disember. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar lebih tinggi, iaitu 13.5% (Disember 2006: 12.3%). Pengembangan M3 mencerminkan kenaikan dalam aset asing bersih Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan. Tuntutan bersih terhadap Kerajaan juga memberikan kesan pengembangan terhadap M3 kerana Kerajaan mengeluarkan depositnya di Bank Negara Malaysia untuk membiayai perbelanjaannya. Tuntutan terhadap sektor swasta pula memberikan kesan penguncupan terhadap M3 memandangkan kenaikan dalam jumlah pinjaman terkumpul institusi perbankan telah diimbangi oleh kemerosotan dalam pemegangan sekuriti oleh mereka.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 06	**Nov 06**	**Dis 06**	**Jan 07**
M3	8.8	11.5	21.2	14.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.4	7.8	10.8	5.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	-0.4	3.0	5.3	-0.9
Pinjaman	*-0.1*	*4.1*	*4.2*	*2.7*
Sekuriti	*-0.3*	*-1.1*	*1.1*	*-3.6*
Operasi luar bersih *	8.0	5.5	9.2	12.2
Pengaruh lain	-0.2	-4.8	-4.1	-2.2

* Sebelum penilaian semula



Wang secara luas berkembang pada kadar yang lebih tinggi

Deposit sistem perbankan meningkat lagi pada bulan Januari

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak RM20.2 bilion, atau 19.9% pada asas tahunan pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: RM32.3 bilion; 16.8%). Pengembangan ini mencerminkan terutamanya deposit perusahaan perniagaan yang lebih tinggi, dan sebahagian lagi oleh deposit orang perseorangan dan institusi kewangan. Aliran masuk dari sektor luaran yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan ketara dalam jumlah deposit pada bulan itu. Selain itu, transformasi syarikat diskaun menjadi bank pelaburan telah menyebabkan deposit institusi tersebut diserapkan ke dalam sistem perbankan. Mengikut jenis deposit, kenaikan dalam deposit terutamanya adalah dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga, deposit tetap, dan deposit permintaan.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 06	**Nov 06**	**Dis 06**	**Jan 07**
Kerajaan Persekutuan	-7	220	936	-528
Kerajaan Negeri	214	-218	392	-46
Badan Berkanun [1]	-990	1,211	-889	47
Institusi Kewangan	3,667	5,543	17,375	1,420
Perusahaan Perniagaan	6,765	8,769	10,093	14,938
Individu	2,825	2,459	4,174	2,983
Lain-lain [2]	538	833	191	1,373
Jumlah	13,012	18,818	32,272	20,188

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Okt 06	**Nov 06**	**Dis 06**	**Jan 07**
Deposit tetap	3,371	10,518	9,572	5,666
NID	2,457	-6,233	8,083	11,107
Deposit permintaan	2,730	1,567	1,564	4,194
Deposit tabungan	635	871	1,492	766
Perjanjian beli balik (Repo)	-3,022	9,005	4,803	-2,752
Deposit mata wang asing	2,803	-292	1,496	289
Deposit SPI	3,602	3,010	3,421	-418
Lain-lain	435	373	1,840	1,335
Jumlah	13,012	18,818	32,272	20,188

Pembiayaan kasar sektor swasta pada bulan Januari berterusan mampan

Pembiayaan kasar sektor swasta secara relatif stabil sebanyak RM48.7 bilion pada bulan Januari 2007 (Disember 2006: RM49.1 bilion), disokong oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 6.2% (Disember 2006: 6.2%).



Pembiayaan kasar sektor swasta berterusan



Penunjuk pinjaman utama menunjukkan pembiayaan berterusan

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Dec	Jan	Dec	Jan
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.4	27.3	22.0	39.0
Kelulusan pinjaman	17.7	16.4	10.6	17.8
Pengeluaran pinjaman	45.3	46.6	-5.6	6.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.2	3.0	6.3	6.4
Perusahaan perniagaan[2/]				
Permohonan pinjaman	15.5	13.3	52.9	40.2
Kelulusan pinjaman	10.5	8.4	35.2	38.9
Pengeluaran pinjaman	32.7	33.0	-4.3	6.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.1	1.4	4.2	4.4
PKS				
Permohonan pinjaman	5.9	7.0	t.b[3/]	t.b.[3/]
Kelulusan pinjaman	3.4	3.3	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	12.2	11.0	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.6	-0.1	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	11.8	14.0	-3.5	37.9
Kelulusan pinjaman	7.2	8.0	-12.7	1.6
Pengeluaran pinjaman	12.6	13.7	-8.8	7.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.6	1.7	9.4	8.9

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Berikutan pengelasan baru sistem statistik institusi kewangan (FISS) berkuatkuasa April 2006, dan bagi memastikan perbandingan kadar tahunan dapat dilaksanakan bagi permohonan, kelulusan, dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluaskan dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil berbanding pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Arah aliran kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut.

[3/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Penunjuk pinjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah, meningkat



Pengeluaran pinjaman terus meliputi kesemua sektor

Penunjuk pinjaman utama menunjukkan pertumbuhan pembiayaan berterusan, dan pembiayaan meningkat bagi sektor perniagaan dan juga sektor isi rumah. Jumlah pinjaman terkumpul berkembang 6.4% pada asas tahunan pada akhir bulan Januari 2007 (akhir Disember 2006: 6.3%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan stabil pada 4.4% (bulan Disember 2006: 4.2%) manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah pula meningkat pada kadar yang perlahan sedikit, iaitu 8.9% (bulan Disember 2006: 9.4%).

Perolehan dana bersih dalam pasaran modal, rendah sedikit

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada bulan Januari rendah sedikit pada RM2.7 bilion (Disember 2006: RM3.2 bilion). Sektor awam memperoleh sejumlah besar daripada dana, melalui terbitan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun bernilai RM3.5 bilion. Selepas pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM3.2 bilion. Sektor swasta mencatat penebusan bersih sebanyak RM424 juta pada bulan itu. Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities (PDS) kekal dalam jumlah yang besar, sebanyak RM2.2 bilion. Jumlah ini termasuk sekuriti hutang bernilai RM600 juta yang diterbitkan oleh sebuah bank asing. Walau bagaimanapun, pasaran PDS mencatat penebusan bersih sebanyak RM873 juta pada bulan itu. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti mencatat peningkatan yang ketara dengan dana bersih yang diperoleh berjumlah RM449 juta. Kebanyakan pembiayaan melalui pasaran ekuiti adalah terutamanya melalui tawaran awam awal, termasuklah terbitan Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trust, REIT) perladangan secara Islam yang pertama dalam pasaran ekuiti Malaysia.



KLCI bertambah kukuh

Prestasi KLCI terus kukuh pada bulan Januari dan Februari 2007. KLCI ditutup pada 1,189.35 mata pada akhir bulan Januari 2007 (peningkatan sebanyak 8.5% sejak akhir tahun 2006). Prestasi lebih kukuh KLCI ini

disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana asing berikutan penilaian semula terhadap pasaran Malaysia, dan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh, perolehan sektor korporat yang lebih tinggi dan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan. Permodalan pasaran meningkat kepada RM920.8 bilion (sejak akhir tahun 2006: 8.5%), sementara urus niaga purata harian pula meningkat kepada 1,270 juta unit (Disember 2006: 1,064.8 juta unit).



Prestasi KLCI mengatasi pasaran ekuiti serantau

Meskipun terdapat penurunan sebanyak 6% pada 27 dan 28 Februari 2007, KLCI ditutup pada 1,196.45 mata, atau 9.1% lebih tinggi berbanding dengan akhir tahun 2006.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM294.1 bilion atau bersamaan USD83.5 bilion pada 31 Januari 2007. Pada 15 Februari 2007, rizab berjumlah RM299.8 bilion (USD85.1 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan sistem perbankan kukuh dalam keadaan tahap NPL yang menurun

Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing pada 13% dan 10.2% pada akhir bulan Januari 2007. Kenaikan dalam RWCR disebabkan terutamanya oleh suntikan modal baru-baru ini ke dalam sebuah bank Islam yang baru ditubuhkan, dan mengambil kira keuntungan teraudit beberapa institusi perbankan. Sementara itu, jumlah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih menurun lagi kepada RM26.6 bilion atau 4.6% daripada jumlah pinjaman bersih (berdasarkan klasifikasi 3 bulan), terutamanya disebabkan pengelasan semula NPL kepada status berbayar dan juga hapus kira pinjaman yang berterusan oleh institusi perbankan.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**2004**	**2005**	**Nov 06**	**Dec 06**	**Jan 07**
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	9.9	10.2	10.2
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	12.7	12.9	13.0
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	11.0	9.7	11.5	10.2	8.9	7.5	5.8	4.9	4.8	4.6
Jumlah (RM juta)	40,631	37,678	46,254	43,110	40,013	36,668	31,332	28,120	27,356	26,603
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.2	2.2	2.1	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Permodalan sistem perbankan berterusan kukuh...



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dalam keadaan paras NPL terus menurun

Bank Negara Malaysia
28 Februari 2007

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Nov 06		Dis 06		Jan 07	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.2	3.2	58.2	10.6	58.9	-2.7
M1		137.6	15.2	141.1	13.8	144.1	9.2
M2		694.3	15.5	718.2	16.6	734.1	16.5
M3		728.5	11.2	749.7	12.3	764.0	13.5
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		776.4	15.4	808.7	16.8	828.9	19.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		592.8	7.3	593.0	6.3	595.9	6.4
Nisbah pinjaman-deposit (%)		73.6		70.8		69.5	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		81.9		79.1		77.5	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		26.8	16.1	27.4	22.0	27.3	39.0
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		17.2	22.8	17.7	10.6	16.4	17.8
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		42.4	3.2	45.3	-5.6	46.6	6.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		39.2	-2.4	43.9	2.4	42.7	2.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.7		12.9		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.9		4.8		4.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		294.9		290.4		294.1	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		80.0		82.5		83.5	
Bilangan bulan import tertangguh		8.2		7.9		7.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.48 [3.50]		3.50 [3.50]		3.50 [3.50]	
	Seminggu	3.54 [3.52]		3.53 [3.52]		3.52 [3.52]	
	1 bulan	3.59 [3.60]		3.58 [3.58]		3.56 [3.56]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.11		3.11		3.11	
	3 bulan	3.20		3.19		3.19	
BLR bank perdagangan		6.72		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.59		6.57		6.57	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		104.4	3.0	104.6	3.1	105.1	3.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		128.1	6.4	128.7	5.0	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6180		3.5315		3.5015	
Euro		4.7626		4.6460		4.5388	
Paun Sterling		7.0473		6.9315		6.8755	
100 Yen Jepun		3.1124		2.9675		2.8808	
Dolar Singapura		2.3430		2.3028		2.2784	
100 Baht Thailand		10.0347		9.8111		9.7780	
100 Peso Filipina		7.2833		7.2027		7.1642	
100 Rupiah Indonesia		0.0395		0.0393		0.0385	
100 Won Korea		0.3889		0.3797		0.3717	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.0		3.7		3.2	
	swasta	0.0		-0.5		-0.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,080.7		1,096.2		1,189.4	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		833.2		848.7		920.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.